

# UMS unggul Kejohanan Sukan IPT Sabah Piala Mary Yap

**GL Oh DE 27.9.2016** ♂

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersinar dalam Kejohanan Sukan IPT Sabah Piala Mary Yap yang diadakan selama dua hari di UMS.

Mereka memenangi enam daripada lapan acara yang dipertandingan dengan kemenangan dalam bola sepak, futsal, bola jaring, sepak takraw, bola keranjang lelaki dan wanita. Mereka juga menduduki tempat kedua dalam bola tampar lelaki dan wanita.

Tidak ada pemenang keseluruhan

dalam pertandingan itu kerana objektif utamanya adalah untuk memberikan peluang kepada pelajar di Sabah untuk berinteraksi antara satu sama lain.

Kejayaan mereka juga mendapat pujian daripada Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah yang berkata dia sangat bangga dengan kejayaan yang dicapai oleh universiti itu.

Beliau mengucapkan tahniah kepada pelajar dan kakitangan dan mengakui ia adalah hasil kerja keras dan komitmen mereka untuk meraih kejayaan itu.